



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 27 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFI RANGKA STRATEGI PERLUAS PRODUK MAKANAN MALAYSIA KE JEPUN, NASIONAL, BH -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	BANTU PESAWAH TERJEJAS, NASIONAL, SH -7	
3.	PERUNTUKAN RM262JUTA UNTUK PELADANG, PETANI, DALAM NEGERI, UM -5	
4.	NAFAS RANGKA PELAN HALA TUJU LIMA TAHUN (2021-2025), DALAM NEGERI, UM -5	
5.	BANTU AKIBAT KENAIKAN HARGA BAJA, RACUN, NASIONAL, SH -6	
6.	PM: RM62 MILLION ALLOCATED TO HELP FARMERS OFFSET BURDEN OF FERTILISER, PESTCIDE PRICE HIKE, NEWS, SIN CHEW DAILY (MELAKA) -3	
7.	RM262J BANTU PELADANG TERJEJAS KENAIKAN HARGA BAJA, RACUN - PM, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -2	
8.	GOVT ALLOCATED RM62MIL TO HELP AFFECTED FARMERS, NEWS, SIN CHEW DAILY (EAST COAST) -2	
9.	RM262M TO HELP FARMERS AFFECTED BY FERTILISER PRICE HIKE, DAILY EKSPRESS -ONLINE	
10.	EXPERT: AMENDMENT TO TURTLE ENACTMENT A VICTORY, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	PROGRAM KARNIVAL JUALAN BANTU USAHAWAN PKS PASAR PRODUK, HM -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
12.	TARIK GOLONGAN MUDA CEBURI PERTANIAN ELAK MONOPOLI WARGA ASING, HM -ONLINE	
13.	CUACA, TENAGA KERJA ANTARA PUNCA KENAIKAN HARGA SAYUR, BH -ONLINE	LAIN-LAIN
14.	MOSTI KAJI KURANGKAN KOS PENGHASILAN PRODUK TANI NEGARA, SH -ONLINE	
15.	BAJA NANO ANTARA KAJIAN KURANGKAN KOS HASIL PRODUK TANI, FREE MALAYSIA -ONLINE	
16.	PUTRAJAYA AKAN BERI BANTUAN KEWANGAN PEMAIN INDUSTRI PERTANIAN RINGAN KOS OPERASI, FREE MALAYSIA -TODAY	
17.	KPDNHEP, MAFI TUBUH JAWATANKUASA TANGANI ISU KENAIKAN HARGA BAHAN MENTAH, HM -ONLINE	
18.	BANTUAN KEWANGAN KEPADA PEMAIN INDUSTRI PERTANIAN AKAN DIUMUM - NANTA, BERNAMA -ONLINE	
19.	HARGA SAYUR MASIH TERKAWAL, BUKAN FENOMENA SELURUH NEGARA, UM -ONLINE	
20.	LAKSANA PROJEK TANAMAN JAGUNG BIJIRIN ELAK DEDAK MAHAL - SHABERY, MALAYSIA POST -ONLINE	
21.	SERBU PUN TAK GUNA SELAGI IMPORT JAGUNG 100 PERATUS, EDISI 9 -ONLINE	
22.	KENAIKAN HARGA BARANG BASAH RESAHKAN PENGGUNA, MELAKA HARIINI - ONLINE	

LIKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	MAFI rangka strategi perluas produk makanan Malaysia ke Jepun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Nov 2021	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	14	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	149 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,522
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,565



MAFI rangka strategi perluas produk makanan Malaysia ke Jepun

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan dan Industri Makanan (MAFI) sedang merangka strategi bagi mengembangkan pasaran produk makanan Malaysia ke Jepun, khususnya di wilayah Sapporo, Tokyo, Nagoya, Osaka dan Fukuoka, tahun depan.

MAFI menjelaskan usaha itu adalah kesinambungan program

promosi Malaysia Fair 2021 dengan kolaborasi Don Quijote Jepun yang menerlincu maklum balas positif.

Program berkenaan sudah diperluas ke tambahan dua lagi cawangan Don Quijote iaitu di Steesen Tokyo dan Kyoto atas jemputan, berbanding hanya dua cawangan Shibuya dan

Oseka pada awal perancangan itu.

Setiausaha Balagian Pembangunan Perniagaan dan Pelabuhan MAFI, Khalid Ibrahim, berkata berdasarkan penerimaan terhadap program ini, MAFI mempromosi dan mengkomersialkan produk makanan jenama Malaysia.

"Kita yakin dengan strategi dan perancangan betul seperti ini strategi big brand My Kitchen, lebih banyak produk Malaysia akan menembusi pasaran Jepun dan memanfaatkan usahawan tempatan."

"Usaha ini diambil bagi mempersiap Malaysia dalam mengambil peluang terhadap

peningkatan permintaan makanan bersamaan pengajuran World Expo Osaka 2025, Sukatan Asia Aichi-Nagoya 2026 dan sasaran Jepun bagi meningkatkan 60 juta pelancong pada 2030 dengan kerjasama baik semua pihak," katanya dalam kenyataan dikeluarkan MAFI, semalam.

Headline	Bantu pesawah terjejas		
Media Title	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	27 Nov 2021	Circulation	140,000
Section	Nasional	Readership	420,000
Page No	7	ArticleSize	733 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 15,540
Journalist	Oleh RAIHAM MOHD SANUSI FOTO: MOHD	PR Value	RM 46,620
Frequency	Daily		

Bantu pesawah terjejas

Kerajaan tambah RM62 juta peruntukan subsidi dan insentif padi

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID



Zamri (kiri) dan Pengurus YAPIEM, Datuk Mohd Redza Shah Abdul Wahid (kanan) menandatangani MoU sambil disaksikan Ismail Sabri (berdiri, kiri) dan Ronald (berdiri, kanan) sempena Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahun Nafas ke-47 Tahun 2020 yang berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia (WTC) pada Khamis.



Zamri (kiri) dan Pengurus Wilayah Southeast Edible Bird's Nest Capital Biotechnology Co. Ltd., Hal Je (kanan) selepas menandatangani MoU.

Kerajaan mengumumkan peruntukan tambahan berjumlah RM62 juta melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) bagi subsidi dan insentif padi di bawah Bajet 2022 berjumlah RM1.5 bilion untuk membantu pesawah yang terjejas akibat kenaikan mendadak harga racun dan bahan.

Pesawah akan menerima RM300 subsidi dan insentif bagi setiap hektar sawah per musim iaitu tambahan RM100 berbanding RM200 yang diperoleh sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sebagai respon awal bagi membantu para pesawah yang terjejas, beliau memaklumkan kepada Menteri Kewangan mengenai subsidi yang masih tidak mencukupi dan kerugian ditanggung Nafas sebanyak RM200 juta akibat peningkatan harga.

"Saya juga maklumkan, apabila Nafas dibantu bermakna secara tidak langsung kita membantu golongan peladang, petani, dan penternak kerana pendapatan mereka akan berkurangan."

"Jadi Menteri Kewangan akan meneliti dan berbincang dengan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) tentang perkara ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Makan Malam dan Mesyuarat Agung Tahunan Nafas Ke-47 bagi 2020 yang diadakan di Dewan Merdeka, World Trade Centre (WTC), pada Khamis.

Turut hadir, Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald Kianjee; Timbalan Menteri MAFI 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Menteri MAFI 2, Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Pada majlis itu, beliau bersama Ronald turut menyaksikan pemeterian tiga memorandum persefahaman (MoU) antara Nafas dengan YaPEIM dan syarikat berstatus

'State Own Enterprise (SOE) dari China serta antara syarikat subsidiari Nafas, Nafas Sialin (M) Sdn Bhd dengan Southeast Edible Bird's Nest Capital Biotechnology Co Ltd.

Menurutnya, kerajaan turut bersetuju menyediakan dana RM200 juta sebagai pinjaman agromakanan pada kadar faedah sifar peratus selain moratorium bayaran balik pinjaman selama enam bulan di bawah Tekun dan Agrobank untuk pengusaha tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan yang turut terkena.

Mengambil kira keadaan Nafas yang terkena, kerajaan akan menerusi pemberian subsidi dan insentif berdasarkan 'input' dan 'output' bernilai RM1.82 bilion yang dilaksanakan di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) bagi tempoh 1 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2023.

Katanya, kontrak membekal dan menghantar input pertanian telah diberikan kepada Nafas selaku badan induk pergerakan Pertubuhan Peladang yang menaungi 920,000 ahli di seluruh negara.

"Kerajaan sentiasa peka dan prihatin dengan bebanan yang ditanggung oleh pengusaha pertanian akibat kenaikan harga bahan dan racun bagi tanaman sayur-sayuran,



ISMAIL SABRI



ZAMRI

buah-buahan serta tanaman padi.

"Susulan itu ini, saya menganjurkan MAFI, Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk merangka dan memformulasikan langkah-langkah mitigasi bagi menangani isu tersebut," katanya.

Jelasnya, MAFI dan MOF akan mengkaji implikasi kewangan dalam usaha membantu pesawah yang tiada pendapatan sementara menunggu musim menuai.

"Penoreh getah mendapat RM300 sekawtu musim tengkujuh kerana tidak boleh mengeluarkan hasil getah dan situasi sama dihadapi pesawah."

"Pesawah juga tidak ada pendapatan sementara menunggu padi masak. Kerajaan juga akan bantu pesawah-pesawah ini," katanya.

Sebelum itu, Pengurus Jemaah Pengaruh Nafas, Datuk Zamri Yaakob berkata, selaku badan yang memayungi ahli-ahli peladang, Nafas berharap kerajaan dapat mewujudkan semula bantuan sebanyak RM200 sebulan kepada pesawah dalam tempoh tiga bulan sementara menunggu hasil tuaihan padi.

Pelaburan

Menyentuh mengenai pemeterian tiga MoU pula, Zamri memaklumkan, melalui kerjasama dengan YaPEIM, Nafas melalui Dana Peladang Kebangsaan akan melabur dalam projek Ar Rahnu YaPEIM melalui co-branding dengan pelabutan berkonsepkan ruudanabah bagi cawangan terpilih.

"Objektifnya bagi menyediakan kemudahan mikro kredit berdasarkan syariah kepada warga peladang, memperoleh modal perniagaan dan sumber bagi aktiviti-aktiviti lain yang produktif untuk membangunkan sosioekonomi ummah serta mencapai matlamat program sosial bisnes yang merupakan aktiviti teras YaPEIM."

"Kerjasama antarabangsa pula akan melibatkan tujuh syarikat SOE dari negara China yang merangkumi pertanian pintar, penghasilan produk baharu, penggunaan rantaian makanan, penerokaan pemasaran dan perdagangan, mekanisasi pertanian dan penggunaan teknologi dron untuk menyokong agenda Sekuriti Makanan Nasional," katanya.

Sementara MoU syarikat subsidiari Nafas pula melibatkan persetujuan kedua-dua pihak melaksanakan dagangan ekspor produk sarang burung iaitu 'Raw Uncleak Bird Nest (RUC)' bagi kedua-dua Negara iaitu Malaysia dan China.

Katanya, melalui persefahaman itu, Nafas Sialin Sdn Bhd akan memainkan peranan sebagai hub mengumpul, memproses dan mengeksport produk RUC dalam negara manakala Southeast Edible Bird's Nest Capital Biotechnology bersetuju untuk memusatkan produk bagi keperluan pasaran negara China.



Zamri (kiri) dan wakil Syarikat Berstatus SOE dari China, Datuk Seri Ahmad Zubir Murshid (kanan) menunjukkan MoU yang ditandatangani dengan disaksikan Ismail Sabri dan Ronald.



Ismail Sabri (dua, kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang utama Anugerah Yayasan Pelajaran Peladang Tahun 2020, Nor Alni Laili Noor, di Dewan Merdeka, WTC Kuala Lumpur.

Headline	Peruntukan RM262juta untuk peladang, petani		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	5	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	443 cm ²
Journalist	Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI	AdValue	RM 18,185
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,554



Peruntukan RM262 juta untuk peladang, petani

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI
Hafiz.yusoff@mediamalaysia.com.my

KUALA LUMPUR: Sebanyak RM262 juta diperuntukkan kerajaan bagi manfaat peladang dan pengusaha tanaman sayur-sayuran mahupun buah-buahan yang terkesan terutama susulan kenaikan harga baju serta racun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, daripada jumlah itu, dana RM62 juta akan disalurkan melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai tambahan ke atas peruntukan subsidi dan insentif padi di bawah Bajet 2022 yang keseluruhananya berjumlah RM1.5 billion.

Selain itu katanya, dana sebanyak RM200 juta sebagai pinjaman agromakanan pada kadar faedah sifar peratus di samping moratorium bayaran balik pinjaman selama enam bulan di bawah Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) dan Agrobank bagi manfaat pengusaha tanaman sayur-sayuran serta buah-buahan yang terkesan.

"Bantuan tersebut diberikan



ISMAIL Sabri Yaakob menyampaikan Anugerah Yayasan Pelajaran Peladang Tahun 2020 kepada Noor Aini Naili Noor Habib, sambil diperhatikan oleh Ronald Klandee (kanan) dan Zamri Yaakob (kiri) di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur, kelmarin. - UTUSAN/SHIDDEQIIN ZON

sebagai respons awal bagi membantu pesawahan yang terjejas ekoran isu ini. Saya telah menghubungi Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz memaklumkan subsidi yang kita beri untuk harga baju dan racun masih tidak mencukupi kerana saya difahamkan NAFAS akan mengalami kerugian

sebanyak RM200 juta. "Justeru, saya telah maklumkan (Tengku Zafrul) bahawa kita perlu bantu NAFAS. Apabila kita bantu NAFAS, maka secara langsung kita membantu golongan peladang, petani, dan penterak," katanya ketika berucap dalam Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS Ke-47 di

Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini.

Yang turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee; Timbalan Menteri 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Menteri 2, Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh serta Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk

Zamri Yaakob. Tambah Ismail Sabri, kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memberi perhatian terhadap masalah yang dihadapi keluarga peladang termasuk isu peningkatan harga baju dan racun.

Beliau dalam masa yang sama mengarahkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk merangka dan memformulasikan langkah-langkah mitigasi untuk menangani isu berkenaan.

"Kerajaan juga akan meneruskan pemberian subsidi dan insentif berdasarkan input dan output dengan kontрак membekal dan menghantar input pertanian diberikan kepada NAFAS selaku badan induk pergerakan Pertubuhan Peladang yang menaungi 920,000 ahli di seluruh negara."

"Pemberian itu dilakukan di bawah Skim Baju Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) bagi tempoh 1 Julai 2021 hingga 31 Disember 2023 dengan nilai RM1.82 billion," ujarnya.

Headline	NAFAS rangka pelan hala tuju lima tahun (2021-2025)		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	27 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	5	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	318 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,054
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,161



NAFAS rangka pelan hala tuju lima tahun (2021-2025)

KUALA LUMPUR: Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menetapkan pelan hala tuju bagi tempoh lima tahun (2021-2025) bagi membantu kerajaan meningkatkan sektor pertanian serta perlindungan.

Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaacob berkata, berdasarkan strategi tersebut, terdapat enam langkah diwujudkan agar penglibatan NAFAS dalam industri berkaitan dengan lebih menyeluruh dan komprehensif.

Malah katanya, melalui pelan tersebut, NAFAS juga telah menetapkan pelaksanaan penerokaan tanaman sumber kekayaan baharu melibatkan tanaman seperti kelapa, nenas, durian dan rock melon.

"NAFAS juga akan menggerakkan tenaga untuk meneroka tanaman yang boleh dijadikan sumber pendapatan lain selain pendapatan daripada industri



ISMAIL Sabri Yaacob dan Ronald Kiandee menyaksikan majlis menandatangani MoU antara Zamri Yaacob (kiri) dan Pengerusi YAPEIM, Datuk Mohd. Redza Shah Abdul Wahid. - UTUSAN/ SHIDDEQIIN ZON

padi dan kelapa sawit.

"Di samping itu, NAFAS juga berharap cadangan perubahan Bank Peladang dapat direalisasikan bagi membantu dan memberi kemudahan ahli Peladang seluruh negara seperti kemudahan kredit, simpanan dan pulangan dividen

selaras penubuhan Dana Peladang Kebangsaan (DPK) pada 2012."

Katanya berucap dalam Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS Ke 47 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia (WTC) di sini. Perasmian mesyuarat agung

disempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob. Sementara itu, Zamri berkata, NAFAS berharap kerajaan mewujudkan semula bantuan sebanyak RM200 sebulan kepada pesawat dalam tempoh tiga bulan.

Katanya, bantuan tersebut perlu diberikan sementara menunggu hasil tujuan padi dan geran pengurusan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebanyak RM30,000 sebagaimana yang telah diberikan sebelum ini.

Dalam pada itu, Zamri berkata, NAFAS menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan dua syarikat dari China bagi menyokong agenda Sekuriti Makalan Nasional dan meningkat taraf sosioekonomi.

Selain itu, NAFAS turut menandatangani MoU bersama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM).

"NAFAS melalui DPK akan melabur dalam projek Ar-Rahnu

Yapeim dengan pelaburan berkonsepkan Mudharabah bagi cawangan terpilih. Objektifnya adalah bagi menyediakan kemudahan mikro kredit berdasarkan syariah kepada warga peladang, memperoleh modal perniagaan dan sumber bagi aktiviti membangunkan sosioekonomi ummah.

"Bagi kerjasama antarabangsa pula, ia akan melibatkan tujuh buah syarikat berstatus State Own Enterprise (SOE) dari negara China merangkumi pertanian pintar, penghasilan produk baharu, pengukuhkan rantauan bekalan, penerokaan permasaran dan perdagangan, mekanisasi pertanian serta teknologi dron," jelasnya.

Tambah Zamri, dengan kerjasama itu juga, beras padi dari China mampu memberikan hasil tinggi sehingga mencapai 20 tan metrik, sekali gus meraih sasaran untuk mencapai tahap sara dari 75 peratus bagi penghasilan beras tempatan.

Headline	Bantu akibat kenaikan harga baja,racun		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	27 Nov 2021	Circulation	140,000
Section	Nasional	Readership	420,000
Page No	6	ArticleSize	472 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 10,006
Journalist	Bernama	PR Value	RM 30,018
Frequency	Daily		



Bantu akibat kenaikan harga baja,racun

Kerajaan peruntukkan bantuan berjumlah RM262 juta kepada peladang yang terjejas

KUALA LUMPUR

Kerajaan memperuntukkan bantuan berjumlah RM262 juta sebagai respons awal bagi membantu peladang yang terjejas susulan kenaikan harga baja dan racun, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata daripada jumlah itu, dana RM62 juta akan disalurkan melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai tambahan ke atas peruntukan subsidi dan insentif padi di bawah Bajet 2022 yang keseluruhannya berjumlah RM1.5 billion.

Katanya, dana RM200 juta pula disediakan sebagai pinjaman agromakanan pada kadar saehad sifar peratus, di samping moratorium bayaran balik pinjaman selama enam bulan di bawah Tekun Nasional (Tekun) dan Agrobank untuk manfaat pengusaha tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan yang terkesan.

"Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memberi perhatian

terhadap masalah yang dihadapi keluarga peladang termasuk isu yang dihadapi kini iaitu berkaitan dengan peningkatan harga baja dan racun," beritahunya pada Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Nafas kali ke-47, di sini malam Khamis.

Perdana Menteri turut memaklumkan beliau telah mengarahkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk merangka dan memformulasikan langkah-langkah mitigasi untuk menangani isu berkenaan.

Tambahnya, kerajaan juga akan meneruskan pemberian subsidi dan insentif berdasarkan 'input' dan 'output' dengan kontrak membelak dan menghantar input pertanian diberikan kepada Nafas selaku badan induk pergerakan Pertubuhan Peladang dahulu akan berbincang dengan MAFI serta MOF untuk mengkaji implikasi kewangan terlibat.

Jelasnya, pemberian itu dilakukan di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) bagi tempoh 1 Julai 2021 hingga 31 Dis 2023 dengan nilai RM1.82 bilion.

"Saya telah maklumkan Menteri Kewangan kita perlu bantu Nafas. Apabila kita bantu Nafas, maka secara langsung kita



Ismail Sabri (dua dari kiri) dan Ronald (dua dari kanan) menyaksikan sesi menandatangani memorandum persefahaman (MOU) antara Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang diwakili Pengurus Jemah Pengaruhnya, Datuk Zamri Yaacob dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) diwakili Pengurusnya, Datuk Mohd Redza Shah Abdul Wahid pada Majlis Makan Malam dan Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan Nafas ke-47 pada malam Khamis.

membantu golongan peladang, petani dan penternak," katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan juga akan membantu pesawas yang tiada pendapatan sementara menunggu musim menuai, dan bagi tujuan itu kerajaan terlebih dahulu akan berbincang dengan MAFI serta MOF untuk mengkaji implikasi kewangan terlibat.

Sementara itu, Perdana Menteri berharap keluarga peladang dapat bergerak akrab dan sentiasa menjaga kebijakan antara satu sama lain, sekali gus bergerak sebagai 'subset' yang melengkapi Keluarga Malaysia.

Beliau berkata, Malaysia telah melalui tempoh yang penuh mencabar susulan pandemik

Covid-19 yang telah memberi kesan bukan sahaja dalam aspek sosial, tetapi juga ekonomi, termasuk Industri Agromakanan Negara terutamanya di peringkat awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Ujarnya, warga peladang, penternak dan nelayan telah menjadi tulang belakang negara dan petugas barisan hadapan dalam sektor agromakanan negara, sekali gus memastikan kelancaran rantaian makanan termasuk pengeluaran, pengedaran dan peruncitan produk hasilari pertanian dan industri makanan.

Perdana Menteri membetulkan, beliau yang dibesarkan dalam keluarga penoreh getah

serta pernah menjadi Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dari 2013 hingga 2015 amat memahami perih getir dan cabaran dihadapi peladang, penternak dan nelayan dalam negara.

"Pertanian sesungguhnya amat sinonim dengan saya. Seperti semua tahu bahawa saya dilahirkan dan membesar dalam keluarga petani. Kerana itulah jiwa petani sentiasa tersemat di dalam sanubari saya," katanya.

Hadir sama Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee dan kedua-dua timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh. Bernama

Headline	PM: RM62 million allocated to help farmers offset burden of fertiliser, pesticide price hike		
MediaTitle	Sin Chew Daily (Melaka)		
Date	27 Nov 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	70,157
Page No	3	Readership	210,471
Language	Chinese	ArticleSize	157 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,546
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,639



依斯迈沙比利获梓匏兄弟里都谷（右）代表国家农民组织赠送印有其照片的相框作为感谢出席会员大会和晚宴的纪念品；左罗纳迪迪（黄志汉摄）

首相：抵銷化肥農藥漲價 撥款6200萬助受影響農民

（吉隆坡26日讯）首相拿督斯里依斯迈沙比利表示，为协助受化肥和农药价格上涨问题影响的农民，政府已同意通过国家农民组织（NAFAS）拨款6200万令吉。

他说，这也是在2022年财政预算案下，总额15亿令吉的稻谷补贴和奖励的追加拨款。

通过NAFAS发拨款

此外，政府还同意提供2亿令吉作为零利率的农业食品贷款，此外还有农业银行及国家创业集团商业基金（TEKUN）和农业银行（Agrobank）的6个月贷款延期偿还，以及惠及受影响的蔬菜和水果种植者。

他昨晚在吉隆坡世界贸易中心（PWTC）默迪卡礼堂（Dewan Merdeka）主持第47届国家农民组织（NAFAS）会员大会开幕礼及晚宴致词时，这么表示。

主持NAFAS大会开幕

依斯迈沙比利也赞扬了农民、牧场主和渔民是国家在冠病疫情期间的中坚力量，表示正是他们的付出确保整个食物链的平稳运行，包括农产品和食品工业的生产、分销和零售，成为国家农业食品部门的前线工人或前线人员。

他也指出，从事农业、渔业和畜牧业的人民一直被视为是贫困的一群，但事实上他们的贫穷是受到中间商剥削和操纵的结果。

他也以不点名方式揶揄前首相敦马哈迪，表示“有一名前首相（指马哈迪），已经退位的，尽

管他还想要（做首相），他说马来人富裕，他说农民和渔民富裕，但实际上他们的贫穷是中间商造成的。”

为此，他表示自己在2014年出任农业及农基工业部部长时，就发起“消灭中间商之圣战”（Jihad Membasmi Orang Tengah），以确保农民不会再受到中间人的剥削和操纵。

出席晚宴的嘉宾，尚有农业及食物工业部长拿督斯里罗纳迪迪。副部长拿督斯里阿末韩查和莫扎瓦威，以及秘书长拿督斯里哈斯丽娜。

另一方面，NAFAS董事会主席拿督费里都谷在为晚宴致辞时表示，随着NAFAS与7家中国国有企业地位的公司展开的国际合作后，将有助于实现政府为本地稻米生产实现75%的自给自足率（SSR）的目标。

他说：“本次国际合作将涉及7家中中国国有企业公司，包括智能农业、新产品生产、供应链强化、营销勘探和贸易、农业无人机技术的机械化和使用。”

该合作的主要目标是支持国家粮食安全议程，而通过使用中国技术生产的水稻种子，据说可以提供高达20公吨的高产量，而这将进一步降低对国外进口的依赖。

费里都谷也是首相拿督斯里依斯迈沙比利的哥哥，而他表示，通过与这7家中国国有企业公司合作的投资，也预计能够增加我国出口市场的鸡肉、肉类和蔬菜的产量。

Headline	RM262j bantu peladang terjejas kenaikan harga baja , racun - PM		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	27 Nov 2021	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	320 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 680
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,040



RM262j bantu peladang terjejas kenaikan harga baja, racun - PM

KUALA LUMPUR: Kerajaan memperuntukkan bantuan berjumlah RM262 juta sebagai respon awal bagi membantu peladang yang terjejas akibat kenaikan harga baja dan racun, kata Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata dihadapan junduh itu, diaz, RM62 juta akan disalurkan melalui Pertubuhan Pefadang Keharusan (Nafas) sebagai tambahan ke atas peruntukan subsidi dan insentif padi di bawah Bajet 2022 yang keseluruhananya belum lagi BM&K bantu.

Katanya dia RM262 juta pada dasaran akhir, sebagai pinjaman agromakanan pada kadar faedah sifar peratus, di samping moratorium bayaran baki pinjaman selama enam bulan di bawah Teku Nasional (Teku) dan Agrobank untuk manfaat pengusaha tanamian seperti-sayuran dan buah-buahan yang terjejas.

"Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memberi perhatian terhadap masalah yang dihadapi kerajayaan peladang termasuk yang dihadapi kini iaitu berkaitan dengan peningkatan harga baja dan racun," katanya pada Majlis Maklumat Makanan dan Perasaman Masyuarat Agung Tahaman Nafas kali ke-47 di sini malam khamis lalu.

Katanya, beliau juga telah mengarahkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Misi), Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk merangka dan memordamasi tawarkan-tawarkan mitigasi untuk meninggikan suku berkenaan.

Ismail Sabri berkata kerajaan juga akan menemudahkan pemohon subsidi dan insentif berdasarkan 'input' dan 'output' dengan kontrak membekal dan menghantar

input pertanian diberikan kepada Nafas selepas hadar undang pergerakan Perintah Kawalan Persekitar yang muat anggaran abdi di seluruh negara.

Katanya pembentauan ini dilakukan di bawah Skim Baja Padi Kerajan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) bagi tempoh 1 juta 2021 hingga 31 Ogos 2023 dengan nilai RM1.82 billion.

"Saya telah maklumkan Menteri Sewangku kita perih kontin Nafas. Apabila kita bantu Nafas, maka secara langsung kita membantu golongan peladang yang mengalami masalah," katanya.

Ismail Sabri berkata kerajaan juga akan membantu pesawak yang tidak pendapatan sementara meninggurut miskin manusia, dan bagi tujuan ini kerajaan terlebih dahulu akan berbincang dengan Misi serta MOF untuk mengklari implikasi ke-

wangan terhadap.

Sementara itu, Perdana Menteri berharap kerajaan peladang dapat bergairah aktif dan sentiasa menjaga kebersihan antara satu sama lain, sebaliknya bergerak sebagai 'ubet' yang mengelakkan Kelangkaan Makanan.

Beliau berkata Malaysia relatif melahirkan tempoh yang pentu mencabar sejak pandemik Covid-19 yang tetap memberi kesan bolkan sahaja dalam aspek sosial, tetapi juga ekonomi, termasuk industri Agromakanan Negara terutamanya di peringkat awal pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

Katanya warga peladang, peternak dan nelayan telah menjadi tulang belakang negara dan perniagaan barisan hadapan dalam sektor agro makanan negara, sekali gus memastikan kelancaran keseluruhan rantauan makanan termasuk pen-

gebaran, pengedaran dan pemerkiran produk hasilan pertanian dan industri makanan.

Perdana Menteri berkata beliau yang dibesarkan dalam keluarga petnor telah serta pemah memjadi Menteri Pertanian dan Industri Awal Januari 2013 hingga 2015 amat memahami perniagaan dan cabaran dibabit peladang, peternak dan nelayan dalam negara.

"Pertanian sesungguhnya amat simpon dengan saya. Seperti semasa tahun bahawa saya dilahirkan dan membesar dalam keluarga petani. Kerana itulah jiwa petani sentiasa tersentuh di dalam sanubari saya," katanya.

Hadir sama Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee dan kedua-dua timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh. Bernama

Headline	Govt allocated RM62mil to help affected farmers		
MediaTitle	Sin Chew Daily (East Coast)		
Date	27 Nov 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	8,439
Page No	2	Readership	25,317
Language	Chinese	ArticleSize	182 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 552
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,655



依斯迈沙比利获得艳儿费里耶谷（右）代表国家农民组织赠送印有其照片的相框作为感谢出席会员大会和晚宴的纪念品；左为罗纳建迪。（黄志汉摄）

首相抵銷化肥農藥漲價 撥款6200萬助受影響農民

（吉隆坡26日讯）首相拿督斯里依斯迈沙比利表示，为协助受化肥和农药价格上涨问题影响的农民，政府已同意通过国家农民组织（NAFAS）拨款6200万令吉。

他说，这也是在2022年财政预算案下，总额15亿令吉的稻谷补贴和奖励的追加拨款。

通过NAFAS发拨款

“此外，政府还同意提供2亿令吉作为零利率的农业食品贷款，此外还有农业银行及国家创业集团商业基金（TEKUN）和农业银行（Agrobank）的6个月贷款延期偿还，以惠及受影响的蔬菜和水果种植者。”

他昨晚在吉隆坡世界贸易中心（PWTC）默迪卡礼堂（Dewan Merdeka）主持第47届国家农民组织（NAFAS）会员大会开幕礼及晚宴致词时，这么表示。

主持NAFAS大会开幕

依斯迈沙比利也赞扬了农民、牧场主和渔民是国家在冠病疫情期间的中坚力量，表示正是他们的付出确保整个食物链的平稳运行，包括农产品和食品工业的生产、分销和零售，成为国家农业食品部门的前线工人或前线人员。

他也指出，从事农业、渔业和畜牧业的人民一直被视为是贫困的一群，但事实上他们的贫穷是受到中间商剥削和操纵的结果。

他也以不点名方式揶揄前首相敦马哈迪，表示“有一名前首相（指马

哈迪），已经退位的，尽管他还想要（做首相），他说马来人懒惰，他说农民和渔民懒惰，但实际上他们的贫穷是中间商造成的。”

为此，他表示自己在2014年出任农业及农基工业部尚书时，就发起“消灭中间商之圣战”（Jihad Membusui Orang Tengah），以确保农民不会再受到中间人的剥削和操纵。

出席晚宴的嘉宾，尚有农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪、副部长拿督斯里阿末韩查和莫扎瓦威，以及秘书长拿督斯里哈斯丽娜。

NAFAS与中国合作增稻米产量

另一方面，NAFAS董事会主席拿督费里耶谷在为晚宴致词时表示，随着NAFAS与7家中国国有企业地位的公司展开的国际合作后，将有助于实现政府为本地稻米生产实现75%的自给自足率（SSL）的目标。

他说：“本次国际合作将涉及7家中国国有企业公司，包括智能农业、新产品生产、供应链强化、营销勘探和贸易、农业无人机技术的机械化和使用。”

“该合作的主要目标是支持国家粮食安全议程，而通过使用中国技术生产的水稻种子，据说可以提供高达20公吨的高产量，而这将进一步降低对国外进口的依赖。”

费里耶谷也是首相拿督斯里依斯迈沙比利的哥哥，而他表示，通过与这7家中国国有企业公司合作的投资，也预计能够增加我国出口市场的鸡肉、肉类和蔬菜的产量。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	DAILY EKSPRESS	ONLINE	

RM262m to help farmers affected by fertiliser price hike



KUALA LUMPUR: The Government will allocate RM262 million as an early response to assist farmers affected by the increase in the prices of fertilisers and pesticides, said Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

He said of the amount, RM62 million would be channelled through the National Farmers Organisation (Nafas) as an addition to the subsidy allocation and paddy incentive under Budget 2020, which amounts to a total of RM1.5 billion.

Meanwhile, RM200 million would be used as agrofood loan at zero interest rate, in addition to a six-month loan repayment moratorium under Tekun Nasional (Tekun) and Agrobank for the benefit of affected vegetable and fruit growers.

"The Government will always pay attention to problems faced by the Farmer Family, including the issue they are facing now with regard to increase in the prices of fertilisers and pesticides," he said at the launching of the 7th Nafas Annual General Meeting (AGM) and dinner, here, Friday.

He said he had also instructed the Ministry of Agriculture and Food Industries (Mafi), Ministry of Finance (MOF) and Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs to formulate mitigation measures to address the issue.

Ismail Sabri said the Government would also continue providing subsidies and incentives based on inputs and outputs, where contracts to supply and deliver agricultural inputs would be given to Nafas as the parent body of the Pertubuhan Peladang movement which has 920,000 members nationwide.

He said the provision would be made under the Federal Government Padi Fertiliser Scheme (SBPKP) and Padi Production Incentive Scheme (SIPP) for the period from July 1 this year to Dec 31, 2023 worth RM1.82 billion.

"I have informed the Finance Ministry that we need to assist Nafas. When we help Nafas, we are directly helping the farmers and (livestock) breeders," he said.

Ismail Sabri said the Government would also assist farmers who have no income while waiting for the harvesting season and, for that purpose, the Government would first hold talks with Mafi and MOF to review the financial implications.

The Prime Minister also hoped that the Farmer Family would grow close and always care for the welfare of one another and, thus, move as a subset to complete the Malaysian Family.

He said Malaysia had gone through a period that has been full of challenges following the Covid-19 pandemic, which had had an impact not only in terms of the social aspect, but also on the economy, including the national agrofood industry, especially during the early stages of the implementation of the Movement Control Order.

He said farmers, breeders and fishermen had become the backbone and frontliners in the nation's agrofood sector, thus ensuring the smooth running of the entire food chain, including the production, distribution and retailing of agricultural products and the food industry.

The Prime Minister said having grown up in a family of rubber tappers and served as Minister of Agriculture and Agro-based Industry from 2013 to 2015, he understood the trials and tribulations faced by farmers, breeders and fishermen in the country.

"Agriculture is indeed very synonymous with me. As you all know, I was born into and grew up in a family of farmers. That is why the soul of a farmer is always in me," he said.

Also present at the event were Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee and his two deputies - Datuk Seri Ahmad Hamzah and Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh.

Headline	Expert: Amendment to turtle enactment a victory		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	27 Nov 2021	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	10	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	346 cm ²
Journalist	— Bernama	AdValue	RM 4,718
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 14,154



Expert: Amendment to turtle enactment a victory

KUALA TERENGGANU: The ban on the sale of eggs from all turtle species, which will be enforced on June 1 next year, is a victory in the long struggle throughout the history of turtle conservation, especially in Terengganu.

Universiti Malaysia Terengganu Institute of Oceanography and Environment, External Research Laboratory head Dr Mohd Uzair Rusli said the struggle had spanned three generations since the setting up of the Turtle Research Unit in 1984.

"We are aware that the culture of consuming turtle eggs is ingrained in the people of Terengganu and all parties involved had to face many challenges to convince turtle egg lovers that this practice is not sustainable and will jeopardise the national marine eco-system."

"Lately, we are beginning to see positive changes in the community. At the same time, the Terengganu government is very serious in implementing the Terengganu Sejahtera Master Plan (PITAS 2030), which also outlines the sustainability of the environment which was well-received by various quarters," he said when contacted by Bernama yesterday.

The Terengganu State Legislative Assembly sitting last week had passed the Turtle Enactment 1951 (Amendment 2021), which among other things, would impose heavier punishments for offences involving the species.

The amendment was aimed at protecting and preventing the extinction of all turtle species including terrapins (tuntung laut).

With the move, higher fines await for offences like disturbing and killing turtles, which range from RM50,000 to RM250,000 compared to only RM3,000 previously.

Commenting further, he said



File photo shows a turtle landing at a beach in Kuala Terengganu. — Bernama photos



File photo of turtle eggs collected at Batu Burok beach in Kuala Terengganu.

turtles were a natural tourism attraction to Terengganu and the pro-conservation move of

the government could restore its tarnished image after it was said to be a trading hub for

turtle eggs.

"As such, we feel the tabling of the amendment this year proved to be an apt move and much awaited by all stakeholders involved in the effort to conserve turtles."

"Those who are involved in offering turtle-based tourism products will also enjoy multiple and sustainable economic impacts in future," he said, adding that UMT is committed to helping the Terengganu Fisheries Department in their public advocacy efforts ahead of the full implementation of the amended enactment.

"In addition, we must also help the Tourism Department and several other agencies in sprucing up the related methods and regulations in turtle-based tourism to protect the environment and also ensure the safety of tourists especially in the marine park area," he added. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Program karnival jualan bantu usahawan PKS pasar produk



Haslina (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada asnaf sambil diperhatikan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali (dua dari kanan) ketika Karnival Agrofiesta di Lotus's Cheras. FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) giat mengadakan program karnival jualan secara fizikal bagi membantu usahawan Perusahaan

Kecil dan Sederhana (PKS).

Ketua Setiausaha Mafi Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, inisiatif itu bagi membantu usahawan PKS supaya produk keluaran mereka boleh diedarkan ke pasaran yang lebih luas.

"Tujuan inisiatif ini dilaksanakan bagi memperkasakan industri dalam usaha membantu usahawan yang ada produk berkualiti memasarkan produk mereka secara fizikal selain secara dalam talian.

"Kami mula mengetengahkan semula karnival jualan ketika ini memandangkan sudah dua tahun kita mengalami keadaan agak kritikal ekoran penularan pandemik Covid-19," katanya.

Beliau berkata pada sidang media selepas merasmikan Karnival Agrofiesta di Lotus's Cheras, di sini, hari ini.

Haslina berkata, karnival berkenaan berjaya mengutip pendapatan jualan sebanyak RM80,000 dalam tempoh dua hari pelaksanaannya yang bermula Khamis lalu sehingga esok.

"Kami menyasarkan hasil jualan melalui karnival ini sebanyak RM150,000 dan dalam tempoh dua hari diadakan, ia sudah mencapai RM80,000 jumlah jualan.

"Kami optimis sasaran hasil jualan sebanyak RM150,000 itu berjaya dicapai sebelum karnival ini tamat esok," katanya.

Seramai 27 pengusaha tempatan terdiri daripada peniaga buah-buahan serta produk makanan menyertai karnival berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Tarik golongan muda ceburi pertanian elak monopolii warga asing



Haslina (kanan) bersama Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali melawat pameran ketika Karnival Agrofiesta di Lotus's Cheras. FOTO HAIRUL ANUAR RAHIM

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menyediakan pelbagai program bagi menarik minat golongan muda tempatan menceburi bidang pertanian.

Ketua Setiausaha Mafi Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, inisiatif untuk menarik minat golongan muda tempatan adalah penting bagi mengelakkan pembabitan warga asing dalam pengusahaan tanaman termasuk di sawah.

Katanya, antara inisiatif dilaksanakan pihaknya adalah Program Agro Preneurmuda yang menarik penyertaan 7,528 individu sejak ia dilaksanakan pada 2015.

"Kami menyediakan pelbagai jenis latihan serta kursus dalam sektor pertanian menerusi program ini termasuk dalam tempoh pandemik secara virtual.

"Melihat kepada trend terkini, terdapat peningkatan pendaftaran membabitkan golongan muda yang menunjukkan minat untuk berkecimpung dalam sektor pertanian," katanya.

Beliau berkata pada sidang media selepas merasmikan Karnival Agrofiesta di Lotus's Cheras, di sini, hari ini.

Haslina berkata, seiring dengan transformasi teknologi tinggi dalam sektor makanan, pihaknya optimis untuk mengalakkan pembabitan golongan muda dalam sektor terbabit.

"Kita bekalkan mereka dengan latihan supaya mereka mendapat ilmu berkaitan sektor pertanian dan makanan.

"Malah, program yang kita anjurkan bukan sahaja untuk golongan muda tetapi juga bagi setiap lapisan umur," katanya.

Sebelum ini, Harian Metro melaporkan warga asing hanya dilihat mengisi peluang pekerjaan di sektor pembinaan, perladangan, perkilangan dan pembuatan.

Namun, kini terdapat lebih 200 warga Bangladesh dan Rohingya menjadi tauke besar dengan menyewa sawah daripada pemilik untuk mengusahakannya.

Kehadiran mereka dikesan Bahagian Kawalselia Padi dan Beras Mafi di tujuh Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di seluruh negara sejak beberapa tahun lalu.

Situasi itu mencetuskan rasa bimbang kementerian mengenai penguasaan orang luar ke atas sawah milik orang tempatan yang dikhuatiri akan memberi kesan kepada industri padi negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Cuaca, tenaga kerja antara punca kenaikan harga sayur



KUALA LUMPUR: Kenaikan harga sayur keluaran tempatan dikesan berlaku di beberapa tempat dan berpunca daripada faktor cuaca, logistik serta peningkatan kos baja dan racun.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata isu seperti hujan lebat, banjir dan tanah runtuh di Cameron Highlands serta kawasan tanaman sayur sekitarnya didapati turut menjelaskan rantaian pengedaran, terutama bagi sayur-sayur dari tanah tinggi berkenaan.

"Selain itu, kesukaran mendapatkan tenaga kerja menyebabkan hasil tidak dapat dikeluarkan secara maksimum, sekali gus mengakibatkan bekalan berkurangan yang akhirnya telah menyumbang kepada punca kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran.

"Bagi sayur-sayur import pula, harga di negara pengeluar yang telah meningkat dan masalah-masalah pengeluaran yang lain seperti isu kenaikan harga input pertanian dan cuaca di negara pengeluar juga turut memberi kesan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Bagaimanapun Alexander menegaskan kebanyakan harga sayur masih terkawal dan berbeza mengikut lokasi.

"Kenaikan harga sayur seperti dilaporkan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) bukan fenomena di seluruh negara.

"Hasil pemeriksaan dan pemantauan dilakukan pihak KPDNHEP di seluruh negara mendapati pembukaan semula semua sektor ekonomi menyebabkan berlaku permintaan yang sangat tinggi secara mendadak terhadap barang seperti telur, ayam dan juga sayur.

"Peningkatan ini tidak sepadan dengan keupayaan pengeluar barang itu yang telah mengurangkan kuantiti pengeluaran ketika pandemik akibat permintaan yang berkurangan. Ini sebenarnya bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah ianya merupakan fenomena dunia," katanya.

Beliau turut menjelaskan KPDNHEP memandang serius kenyataan CAP terhadap kenaikan harga sayur yang mengelirukan.

Menurutnya, kenyataan yang dibuat berdasarkan pemantauan di empat pasar awam di Pulau Pinang itu tidak wajar diterbitkan secara umum yang telah menimbulkan persepsi yang tidak tepat serta keresahan dalam kalangan pengguna seolah-olah ianya berlaku secara melata di seluruh negara.

"KPDNHEP sentiasa prihatin dan proaktif terhadap isu kenaikan harga barang keperluan pengguna seperti telur, ayam dan sayur-sayuran.

"Justeru, kementerian mengalu-alukan sumbangan persatuan pengguna dan institusi penyelidikan dalam isu yang sangat penting kepada rakyat ini.

"Kementerian berharap agar dapatan serta hasil kajian berkenaan harga barang keperluan dapat dibincangkan terlebih dahulu dengan kementerian supaya data-data itu dapat dirujuk-silang dengan data yang dikumpulkan secara harian di lebih 1,500 premis sebelum ia diterbitkan," katanya.

Alexander berkata, kenyataan Persatuan Penanam Sayur Cameron Highlands sangat optimistik bahawa harga sayur berpotensi untuk kembali stabil apabila pengeluaran dapat ditingkatkan pada tahap normal dengan bantuan cuaca, logistik dan penambahan tenaga buruh di ladang.

Bagaimanapun, katanya sebagai langkah untuk menangani isu ini, KPDNHEP serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menujuhkan Jawatankuasa bersama serta mengadakan libat urus dengan pihak berkepentingan dan pemain industri bagi mendapatkan pandangan serta cadangan berhubung isu ini.

"Melalui sesi libat urus yang dijalankan, pihak pemain industri yang terkesan telah memaklumkan keperluan mereka untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan bagi membantu meringankan beban kos operasi, yang telah memberi impak kepada harga barang di pasaran.

"KPDNHEP dan MAFI juga telah mengadakan perjumpaan dan perbincangan bersama Kementerian Kewangan (MOF) pada 24 November lalu bagi mendapatkan penyelesaian secepat mungkin bagi menangani masalah ini.

"Hasil perbincangan ini, pihak MOF secara dasarnya bersetuju untuk mempertimbangkan saranan dan cadangan daripada kedua-dua kementerian dan sebarang keputusan berkaitan bantuan kewangan kepada pemain industri akan diumumkan oleh MOF.

"Mekanisme penyaluran bantuan fiskal kepada pemain industri antara lain bertujuan supaya sebarang peningkatan, yang setakat ini dikesan berlaku hanya di beberapa kawasan dan bersifat terpencil serta mampu ditangani sepenuhnya.

"Peruntukan kewangan yang bakal diberikan kepada pengeluar diunjurkan mampu menyerap lonjakan kos yang akhirnya terpaksa ditanggung oleh pengguna. Perincian lanjut berhubung usaha ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa," katanya.

Alexander turut menjelaskan KPDNHEP boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana peniaga di setiap rantaian bekalan sekiranya terdapat unsur pengambilan keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Katanya, peniaga yang dikesan mengambil kesempatan dengan mencatut boleh dikenakan tindakan tegas di bawah Seksyen 14(1), AKHAP 2011.

Sekiranya disabit kesalahan, boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi perbadanan/ syarikat dan sehingga RM100,000 bagi individu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi memastikan hak pengguna sentiasa dijaga dan segenap kelompok masyarakat dapat memperoleh bekalan asas pada harga berpatutan, orang ramai dicadang untuk menggunakan aplikasi Price Catcher yang dibangunkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Menerusi tinjauan harian meliputi lebih 400 barang keperluan asas, aplikasi ini berupaya memberi pilihan yang lebih meluas kepada pengguna khususnya dari segi aspek harga.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MOSTI kaji kurangkan kos penghasilan produk tani negara



KUALA TERENGGANU - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang menjalankan beberapa kajian untuk mengurangkan kos berkaitan penghasilan produk pertanian di negara ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, kenaikan harga hasil tani termasuk sayur-sayuran sejak kebelakangan ini bukan sahaja disebabkan jumlah

pengeluarannya yang berkurangan, tetapi turut berkait rapat dengan masalah bekalan baja dan racun serangga yang diperlukan.

Beliau berkata, antara kajian yang sedang dijalankan MOSTI ialah penggunaan racun serangga dan baja pertanian menggunakan teknologi nano untuk meningkatkan penghasilan produk tani dan pada masa sama mengurangkan kos dengan lebih efektif.

"Semalam, kita baru berbincang tentang penggunaan baja teknologi nano ini, walaupun harganya agak tinggi tapi kadar penggunaannya sangat rendah... semburan tidak perlu dibuat banyak kali kerana ia (nutrien) akan diserap perlahan-lahan.

"Selain itu, kita lihat juga penggunaan teknologi melalui Agensi Angkasa Malaysia untuk merancang kerja-kerja pembajaan dan penyemburran racun dengan cara lebih efektif. Itu antara perkara yang sedang diteliti bagaimana kita boleh membantu agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk mengurangkan kos," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis sambutan Hari Guru peringkat daerah Kuala Terengganu di sini pada Sabtu. Hadir sama, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri, Salim Ab Ghani.

Ahmad Amzad yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu berkata, antara fokus MOSTI ialah melaksanakan pelbagai inisiatif dengan kementerian yang lain untuk mengukuhkan sekuriti makanan negara.

"Kejayaan terbaharu MOSTI ialah penghasilan varian benih padi IS21 hasil penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia yang mampu meningkatkan hasil tuaian sebanyak sembilan tan untuk satu hektar sawah berbanding hanya tiga tan sebelum ini.

"Banyak lagi produk pertanian yang sedang di bawah kajian pelbagai agensi di bawah MOSTI antaranya cendawan dan kenaf... dengan teknologi nuklear, kita boleh hasilkan kenaf dengan saiz lebih besar yang pastinya mempunyai lebih banyak serat," katanya. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	FREE	ONLINE	MALAYSIA

Baja nano antara kajian kurangkan kos hasil produk tani



Kajian baja pertanian yang menggunakan teknologi nano untuk meningkatkan penghasilan produk tani adalah yang sedang dibincangkan, menurut Ahmad Amzad Hashim.

KUALA TERENGGANU: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang menjalankan beberapa kajian untuk mengurangkan kos berkaitan penghasilan produk pertanian di negara ini.

Timbalan Menterinya Ahmad Amzad Hashim berkata kenaikan harga hasil tani termasuk sayur-sayuran sejak kebelakangan ini bukan sahaja disebabkan jumlah pengeluarannya yang berkurangan, tetapi turut berkait rapat dengan masalah bekalan baja dan racun serangga yang diperlukan.

Beliau berkata antara kajian yang sedang dijalankan MOSTI ialah penggunaan racun serangga dan baja pertanian yang menggunakan teknologi nano untuk meningkatkan penghasilan produk tani dan pada masa sama mengurangkan kos dengan lebih efektif.

“Semalam kita baru berbincang tentang penggunaan baja teknologi nano ini, walaupun harganya agak tinggi tapi kadar penggunaannya sangat rendah...semburan tidak perlu dibuat banyak kali kerana ia (nutrien) akan diserap perlahan-lahan.

“Selain itu, kita lihat juga penggunaan teknologi melalui Agensi Angkasa Malaysia untuk merancang kerja-kerja pembajaan dan penyemburancan racun dengan cara lebih efektif. Itu antara perkara yang sedang diteliti bagaimana kita boleh membantu agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk mengurangkan kos,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis sambutan Hari Guru peringkat daerah Kuala Terengganu di sini hari ini. Turut hadir Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Salim Ab Ghani.

Ahmad Amzad yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu berkata antara fokus MOSTI ialah melaksanakan pelbagai inisiatif dengan kementerian yang lain untuk mengukuhkan sekuriti makanan negara.

“Kejayaan terbaharu MOSTI ialah penghasilan varian benih padi IS21 hasil penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia yang mampu meningkatkan hasil tuaian sebanyak sembilan tan untuk satu hektar sawah berbanding hanya tiga tan sebelum ini.

“Banyak lagi produk pertanian yang sedang di bawah kajian pelbagai agensi di bawah MOSTI antaranya cendawan dan kenaf...dengan teknologi nuklear, kita boleh hasilkan kenaf dengan saiz lebih besar yang pastinya mempunyai lebih banyak serat,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	FREE	ONLINE	MALAYSIA

Putrajaya akan beri bantuan kewangan pemain industri pertanian ringan kos operasi



Alexander Nanta Linggi berkata, pegawai penguat kuasa dan pemantau harga KPDNHEP secara proaktif memantau dan memeriksa harga barang, termasuk sayur-sayuran bagi memastikan ia dalam keadaan stabil.

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mengumumkan keputusan mengenai bantuan kewangan kepada pemain industri pertanian dalam masa terdekat sebagai kaedah meringankan beban kos operasi yang memberi impak kepada harga barang di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Kewangan (MOF) pada 24 Nov lepas.

“Sesi perjumpaan dan perbincangan telah diadakan dengan MOF.

“MOF secara dasarnya bersetuju mempertimbangkan cadangan daripada kedua-dua kementerian. Sebarang keputusan berkaitan bantuan kewangan kepada pemain industri akan diumumkan MOF,” katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, bantuan kewangan yang bakal diberikan kepada pemain industri pertanian itu dijangka mampu menyerap lonjakan kos yang terpaksa ditanggung pengguna.

Katanya, pertemuan antara tiga pihak itu dibuat hasil dapatan daripada pertemuan antara Jawatankuasa Bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan MAFI bersama pihak berkepentingan serta pemain industri pertanian.

“Melalui sesi libat urus yang dijalankan, pemain industri terkesan memaklumkan keperluan mereka untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan bagi membantu meringankan beban kos operasi,” katanya.

Menurutnya, KPDNHEP sentiasa peka dan prihatin terhadap sebarang isu berkaitan kenaikan harga barang, terutama makanan serta keperluan asas yang membebankan rakyat.

Justeru katanya, pegawai penguat kuasa dan pegawai pemantau harga, KPDNHEP secara proaktif akan memantau dan memeriksa harga barang di seluruh negara bagi memastikan harga barang, termasuk sayur-sayuran dalam keadaan stabil.

“Tindakan akan dikenakan ke atas mana-mana peniaga di setiap rantai bekalan, sekiranya terdapat unsur pengambilan keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.”

Seksyen 14(1) AKHAP 2011 memperuntukkan denda sehingga RM500,000 bagi perbadanan atau syarikat dan sehingga RM100,000 bagi individu, atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Beliau menasihatkan pengguna menggunakan aplikasi Price Catcher yang dibangunkan KPDNHEP untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai harga barang keperluan asas

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

KPDNHEP, MAFI tubuh jawatankuasa tangani isu kenaikan harga bahan mentah



DATUK Seri Alexander Nanta Linggi. FOTO Arkib NSTP

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menubuahkan jawatankuasa bersama pemain industri bagi mendapatkan pandangan serta cadangan berhubung isu kenaikan harga bahan mentah.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, menerusi sesi libat urus, pemain industri mahu mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan bagi meringankan beban kos operasi yang secara tidak langsung memberi impak kepada harga barang di pasaran.

Katanya, KPDNHEP dan MAFI kemudian mengadakan perbincangan bersama Kementerian Kewangan (MOF) yang secara dasarnya bersetuju untuk mempertimbangkan saranan dan cadangan daripada kedua-dua kementerian dan sebarang keputusan berkaitan bantuan kewangan kepada pemain industri akan diumumkan MOF.

"Mekanisme penyaluran bantuan fiskal kepada pemain industri antara lain bertujuan supaya sebarang peningkatan yang setakat ini dikesan berlaku hanya di beberapa kawasan dan bersifat terpencil serta mampu ditangani sepenuhnya.

"Peruntukan kewangan yang bakal diberikan kepada pengeluar diunjurkan mampu menyerap lonjakan kos yang akhirnya terpaksa ditanggung oleh pengguna dan perincian lanjut berhubung usaha ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

"Selain itu, pemantauan dan pemeriksaan harga barang juga dilakukan secara aktif dan proaktif setiap hari oleh pegawai penguat kuasa dan pegawai pemantau harga KPDNHEP di seluruh negara untuk memastikan harga barang-barang termasuk sayur berada dalam keadaan stabil," katanya hari ini.

Beliau berkata, KPDNHEP boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana peniaga di setiap rantaian bekalan sekiranya terdapat unsur pengambilan keuntungan secara tidak munasabah mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011.

Tambahnya, pemantauan yang dilaksanakan mendapati kebanyakan harga sayur masih terkawal dan berbeza mengikut lokasi dan bukan fenomena di seluruh negara.

"Hasil pemeriksaan dan pemantauan yang dilakukan juga mendapati pembukaan semula semua sektor ekonomi menyebabkan berlaku permintaan yang sangat tinggi secara mendadak terhadap barang seperti telur, ayam dan sayur.

"Peningkatan ini tidak sepadan dengan keupayaan pengeluar barang berkenaan yang mengurangkan kuantiti pengeluaran semasa pandemik akibat permintaan yang berkurangan.

"Kenaikan harga sayur keluaran tempatan dikesan berlaku di beberapa tempat dan berpunca daripada faktor cuaca, logistik dan peningkatan kos baja serta racun selain itu seperti hujan lebat, banjir dan tanah runtuh di Cameron Highlands serta kawasan tanaman sayur sekitarnya didapati turut menjelaskan rantaian pengedaran, terutama bagi sayur dari tanah tinggi itu.

"Selain itu, kesukaran mendapatkan tenaga kerja menyebabkan hasil tidak dapat dikeluarkan secara maksimum mengakibatkan bekalan berkurangan yang akhirnya menyumbang kepada punca kenaikan harga sayur di pasaran," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	BERNAMA	ONLINE	

Bantuan kewangan kepada pemain industri pertanian akan diumum - Nanta



Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi bercakap pada sesi temu bual di Wisma Bernama hari ini.

PUTRAJAYA, 27 Nov -- Kerajaan akan mengumumkan keputusan mengenai bantuan kewangan kepada pemain industri pertanian dalam masa terdekat, sebagai kaedah meringankan beban kos operasi yang telah memberi impak kepada harga barang di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata pihaknya bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), telah mengemukakan cadangan tersebut kepada Kementerian Kewangan (MOF) pada 24 Nov lepas (Rabu).

"Sesi perjumpaan dan perbincangan telah diadakan dengan MOF.

"MOF secara dasarnya bersetuju untuk mempertimbangkan saranan cadangan daripada kedua-dua kementerian. Sebarang keputusan berkaitan bantuan kewangan kepada pemain industri akan diumumkan oleh MOF," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Beliau berkata bantuan kewangan yang bakal diberikan kepada pemain industri pertanian itu dijangka mampu menyerap lonjakan kos yang terpaksa ditanggung pengguna.

Nanta berkata pertemuan antara tiga pihak itu dibuat hasil dapatan daripada pertemuan antara Jawatankuasa Bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPNHEP) dan MAFI bersama pihak berkepentingan serta pemain industri pertanian.

"Melalui sesi libat urus yang telah dijalankan, pemain industri yang terkesan telah memaklumkan keperluan mereka untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan bagi membantu meringankan beban kos operasi," katanya.

Menurutnya, KPDNHEP sentiasa peka dan prihatin terhadap sebarang isu berkaitan kenaikan harga barang terutama makanan serta keperluan asas yang membebankan rakyat di negara ini.

Justeru katanya, pegawai penguatkuasa dan pegawai pemantau harga KPDNHEP secara proaktif akan memantau dan memeriksa harga barang di seluruh negara bagi memastikan harga barang termasuk sayur-sayuran berada dalam keadaan stabil.

"Tindakan akan dikenakan ke atas mana-mana peniaga di setiap rantai bekalan sekiranya terdapat unsur pengambilan keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011," katanya.

Seksyen 14(1) AKHAP 2011 memperuntukan sekiranya disabit kesalahan, boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi perbadanan atau syarikat dan sehingga RM100,000 bagi individu, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Nanta menasihatkan pengguna untuk menggunakan aplikasi Price Catcher yang dibangunkan KPDNHEP untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai harga barang keperluan asas.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Bantuan kewangan kepada pemain industri pertanian akan diumum



PUTRAJAYA - Kerajaan akan mengumumkan keputusan mengenai bantuan kewangan kepada pemain industri pertanian dalam masa terdekat, sebagai kaedah meringankan beban kos operasi yang telah memberi impak kepada harga barang di pasaran.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya bersama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), telah mengemukakan cadangan tersebut kepada Kementerian Kewangan (MOF) pada 24 November lepas (Rabu).

"Sesi perjumpaan dan perbincangan telah diadakan dengan MOF.

"MOF secara dasarnya bersetuju untuk mempertimbangkan saranan cadangan daripada kedua-dua kementerian. Sebarang keputusan berkaitan bantuan kewangan kepada pemain industri akan diumumkan oleh MOF," katanya dalam satu kenyataan, di sini pada Sabtu.

Beliau berkata, bantuan kewangan yang bakal diberikan kepada pemain industri pertanian itu dijangka mampu menyerap lonjakan kos yang terpaksa ditanggung pengguna.

Nanta berkata, pertemuan antara tiga pihak itu dibuat hasil dapatan daripada pertemuan antara Jawatankuasa Bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan MAFI bersama pihak berkepentingan serta pemain industri pertanian.

"Melalui sesi libat urus yang telah dijalankan, pemain industri yang terkesan telah memaklumkan keperluan mereka untuk mendapatkan bantuan kewangan daripada kerajaan bagi membantu meringankan beban kos operasi," katanya.

Menurutnya, KPDNHEP sentiasa peka dan prihatin terhadap sebarang isu berkaitan kenaikan harga barang terutama makanan serta keperluan asas yang membebankan rakyat di negara ini.

Justeru katanya, pegawai penguatkuasa dan pegawai pemantau harga KPDNHEP secara proaktif akan memantau dan memeriksa harga barang di seluruh negara bagi memastikan harga barang termasuk sayur-sayuran berada dalam keadaan stabil.

"Tindakan akan dikenakan ke atas mana-mana peniaga di setiap rantai bekalan sekiranya terdapat unsur pengambilan keuntungan secara tidak munasabah (mencatut) di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011," katanya.

Seksyen 14(1) AKHAP 2011 memperuntukkan sekiranya disabit kesalahan, boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 bagi perbadanan atau syarikat dan sehingga RM100,000 bagi individu, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Nanta menasihatkan pengguna untuk menggunakan aplikasi Price Catcher yang dibangunkan KPDNHEP untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai harga barang keperluan asas. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Harga sayur masih terkawal, bukan fenomena seluruh negara



ALEXANDER NANTA LINGGI

PUTRAJAYA: Kenaikan harga sayur seperti dilaporkan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) bukan fenomena di seluruh negara dan hasil pemantauan mendapat, kebanyakannya harga tersebut masih terkawal dan berbeza-beza mengikut lokasi.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pembukaan semula semua sektor ekonomi menyebabkan berlaku permintaan yang sangat tinggi secara mendadak terhadap barang seperti telur, ayam dan sayur.

Menurutnya, peningkatan ini tidak sepadan dengan keupayaan pengeluar barang tersebut yang telah mengurangkan kuantiti pengeluaran semasa pandemik akibat permintaan berkurangan, malah ia bukan sahaja berlaku di Malaysia bahkan fenomena dunia.

"Kenaikan harga sayur keluaran tempatan dikesan di beberapa tempat dan berpunca daripada faktor cuaca, logistik dan peningkatan kos baja dan racun. Isu seperti hujan lebat, banjir dan tanah runtuh di Cameron Highlands serta kawasan tanaman sayur sekitarnya turut menjelaskan rantaian pengedaran terutama bagi sayur-sayur dari tanah tinggi tersebut."

"Selain itu, kesukaran mendapatkan tenaga kerja menyebabkan hasil tidak dapat dikeluarkan secara maksimum, sekali gus mengakibatkan bekalan berkurangan yang akhirnya telah menyumbang kepada punca kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, bagi sayur-sayur import pula, harga di negara pengeluar yang meningkat dan masalah pengeluaran lain seperti isu kenaikan harga input pertanian dan cuaca di negara pengeluar turut memberi kesan.

Tambah beliau, kenyataan Persatuan Penanam Sayur Cameron Highlands sangat optimistik bahawa harga sayur berpotensi untuk kembali stabil apabila pengeluaran dapat ditingkatkan pada tahap normal dengan bantuan cuaca, logistik dan penambahan tenaga buruh di ladang.

Berikutan itu, Alexander berkata, kenyataan oleh CAP berdasarkan pemantauan di empat pasar awam di Pulau Pinang itu tidak wajar diterbitkan secara umum yang menimbulkan persepsi tidak tepat serta keresahan dalam kalangan pengguna seolah-olah ia berlaku di seluruh negara.

"Kementerian berharap dapatkan serta hasil kajian berkenaan harga barang keperluan dapat dibincangkan terlebih dahulu dengan KPDNHEP supaya data-data tersebut dapat dirujuk silang dengan data yang dikumpulkan secara harian di lebih dari 1,500 premis sebelum diterbitkan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, KPDNHEP serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menujuhan jawatankuasa bersama serta mengadakan libat urus dengan pihak berkepentingan dan pemain industri bagi mendapatkan pandangan serta cadangan berhubung isu ini. – UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	MALAYSIA POST	ONLINE	

Laksana projek tanaman jagung bijirin elak dedak mahal – Shabery Cheek



KERAJAAN disaran melaksanakan projek rintis tanaman jagung bijirin untuk makanan haiwan dalam usaha mengawal kenaikan harga dedak yang menjadi punca harga haiwan ternakan seperti ayam melambung tinggi ketika ini.

Ahli Majlis Tertinggi Umno Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata ketika beliau memegang jawatan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum ini, projek berkenaan sudah dirangka untuk pelan jangka panjang bagi tempoh 2018 hingga 2032.

Beliau berkata, malangnya perancangan itu tidak diteruskan selepas Barisan Nasional (BN) tewas dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) pada 2018.

Menurutnya, projek rintis di Dadong, Terengganu dan ladang Ramana K Naidu di Kedah, membuktikan jagung tempatan lebih tinggi kandungan proteininya dan bebas aflatoxin iaitu racun dikaitkan dengan fungus oleh cuaca yang lembap.

“Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) ketika itu dah buat pelan jangka panjang bagi tahun 2018-2032 untuk capai pengeluaran sehingga 30 peratus.

“Nak 100 peratus perlukan lebih 200,000 hektar tanah. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pun baru ada sekitar 120,000 hektar.

“Tiba-tiba bertukar kerajaan. Tak ada siapa nak teruskan kecuali encik Ramana tadi (sekarang untung besar). Itu pun baru sekitar 200 ekar,” katanya dalam satu hantaran di Facebook, hari ini.

Menurutnya, Malaysia ketinggalan dalam industri berkenaan berbanding Indonesia yang mengeluarkan 13 juta metrik tan setahun, Filipina 8 juta, Thailand 5.6 juta.

“Kesian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Serbu pun tak guna. Bila kita import jagung seratus peratus, penternak ayam terdedah kepada harga pasaran dan naik turun matawang kita.

“Lagi banyak import lebih teruk lah matawang akan jatuh. Harga ayam, ikan sangkar dan ternakan lain yang bergantung kepada sumber jagung akan turut naik dan selain faktor pengeluaran lain,” katanya.

Beliau berpendapat cadangan supaya kerajaan memberi subsidi dedak tidak sesuai kerana masih bergantung kepada dedak yang asasnya diimport, namun bagi jangka pendek mungkin sesuai.

“Bagi saya, baik bagi insentif tanaman jagung. Dulu di Dadong guna kawasan padi bukan jelapang yang hanya tanam setahun sekali, lepas tu, terbiar. Jagung pun macam padi. Lebih kurang 100 hari utk dapatkan hasil.

“Banyak kawasan padi yang tak digunakan di Pahang, Terengganu, atau Sabah. Tak payah tebang hutan. Tanah yang datar mudah guna jentera,” katanya. – Malaysiapost

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	EDISI 9	ONLINE	

Serbu pun tak guna selagi import jagung 100 peratus



SERBU pun tak guna sekiranya kita terus bergantung kepada jagung import 100 peratus untuk ternakan, demikian menurut seorang bekas menteri Kabinet.

Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek yang pernah menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, akibat keterbergantungan kepada jagung import menyebabkan penternak terdedah kepada harga pasaran dan naik turun mata wang.

Justeru, langkah terbaik adalah menghidupkan dan mengembangkan semula projek tanaman jagung bijiran yang pernah dilaksanakan sebelum ini.

Berikut kenyataan bekas Ahli Parlimen Kemaman itu menerusi Facebooknya hari ini.

Sebenarnya malas nak cerita barang yang lepas. Tapi bila melihat ramai nak jadi juara masalah dedak dan harga ayam, teringin pulak nak tambah.



Hasil pengeluaran jagung bijiran yang diusahakan di ladang Dadong, Kemaman, Terengganu. – Sumber: Facebook

Dulu dah mula projek rintis tanam jagung bijiran (grain corn) untuk makanan haiwan. Nak lawan pandangan “kita tak perlu tanam jagung bijiran, import sahaja 100 peratus”. 4 juta metrik tan atau lebih RM3 bilion setahun.

Pengimport tak suka kita tanam. Katanya, import lebih mudah dan harga lebih murah. Malaysia pula tak boleh keluarkan jagung bermutu tinggi, kata mereka.

Projek rintis di Dadong (Kemaman, Terengganu) dan ladang Encik K.N Ramana di Kedah, buktikan dua perkara.

Jagung kita lebih tinggi kandungan protennya dan bebas aflatoxin (racun dikaitkan dengan fungi oleh cuaca yang lembab). Ertinya boleh tanam dan boleh dikembangkan.

MOA (Kementerian Pertanian) ketika itu dah buat pelan jangka panjang. Tahun 2018-2032 untuk capai pengeluaran sehingga 30 peratus. Nak 100 peratus perlukan lebih 200,000 hektar tanah. MADA pun baru ada sekitar 120,000 hektar.

Tup-tup bertukar kerajaan. Tak ada siapa nak teruskan kecuali Encik Ramana tadi (sekarang untung besar). Tu pun baru sekitar 200 ekar. ‘Ciput’. Yang lain ada sikit sana-sini.

Kita sangat corot berbanding Indonesia yang mengeluarkan 13 juta metrik tan setahun, Filipina 8 juta, Thailand 5.6 juta. Cuaca mereka lebih kurang kita.

Lagi banyak import lebih teruklah mata wang akan jatuh. Harga ayam, ikan sangkar dan ternakan lain yang bergantung kepada sumber jagung akan turut naik. Selain faktor pengeluaran lain.

Jadi KPDHEP kena serbu juga MITI (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri) kenapa tak banyakkan lagi eksport kita, atau tarik pelabur dan wang luar masuk kerana ia ada kaitan dengan nilai mata wang kita?

Atau terus serbu MOF (Kementerian Kewangan) supaya naikkan nilai mata wang kita. (Datuk Seri Najib (Tun Razak) pun dah lama turun. Bila lagi ringgit nak naik?

Ada cadang supaya beri subsidi dedak. Mmm... banyak belanja tu. Tapi masih bergantung kepada dedak yang asasnya diimport. Jangka pendek OK.

Bagi saya, baik bagi insentif tanaman jagung. Dulu di Dadong guna kawasan padi bukan jelapang yang hanya tanam setahun sekali, lepas tu, terbiar. Jagung pun macam padi. Lebih kurang 100 hari utk dapatkan hasil.

Banyak kawasan padi yang tak digunakan di Pahang, Terengganu atau Sabah. Tak payah tebang hutan. Tanah yang datar mudah guna jentera.

Kata orang tua-tua, berjagung-jagung dahulu sebelum tunggu padi masak.

Cuma sedikit pengalaman, berhati-hatilah dua musuh utama industri jagung bijiran – tikus dan politikus.

Yang kedua tu saya rasakan sendiri. Banyak mengkritik dan bila ambil tanggungjawab tak mahu teruskan walaupun ianya baik untuk masa depan.

Maaf panjang sikit... – Edisi 9

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/11/2021	MELAKA	ONLINE	HARI INI

Kenaikan harga barang basah resahkan pengguna



KUALA LUMPUR 27 Nov – Kenaikan harga barang terutama barang basah sejak kebelakangan ini benar-benar memberi kesan kepada pengguna yang masih berdepan dengan pandemik COVID-19 dan meminta sesuatu dapat dilakukan agar kenaikan harga itu dapat dikawal.

Tinjauan Bernama di Pasar Datuk Keramat di sini mendapati kenaikan harga barang pada sekitar 10 hingga melebihi 50 peratus mengikut jenis harga barang dan pengguna ditemui mengharapkan kenaikan itu hanyalah sementara.

Seorang pengguna Zamri Husin, 48, berkata harga daging lembu tempatan umpamanya, kini mencecah RM34 sekilogram berbanding sekitar RM28 sekilogram sebelum ini.

“Itu belum lagi harga tulang dan paru yang turut meningkat beberapa peratus. Harga sayur pun naik antara 10 sen dan hampir RM1. Saya rasa kena kawallah kalau tidak beban kami sebagai pembeli terus bertambah,” katanya.

Seorang suri rumah Fauziah Hasnan, 47, turut merungut tentang kenaikan harga ayam yang kini dakwanya mencecah RM9 sekilogram berbanding RM7 sebelum ini.

“Harga ini dah berlanjutan sejak beberapa bulan. Harga terus naik tidak turun-turun dan yang bebannya kamilah,” katanya.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi menyatakan bahawa kenaikan harga ayam dan sayur-sayuran berpunca peningkatan kos operasi syarikat penternakan, kos import, kenaikan harga baja dan racun antara punca menyumbang kepada kenaikan harga produk itu di pasaran ketika ini.

“Beberapa pelan tindakan sedang dirangka melibatkan ketiga-tiga kementerian (Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan) dan saya amat berharap tindakan ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin bagi membantu pengguna dan peniaga yang terkesan teruk,” kata Nanta menerusi kenyataan di Facebook pada 25 Nov lepas.

Kenaikan harga barang basah itu sebenarnya turut merunsingkan para peniaga dan mengatakan kenaikan itu tidak dapat dielakkan atas beberapa faktor terutama daripada pihak pembekal.

Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan (PPPKMWP) Mohammad Pandu Insani Yahya berkata berikutan itu peniaga juga terpaksa mengeluarkan modal tinggi untuk mendapatkan barang tersebut menyebabkan berlaku sedikit kenaikan harga.

“Apabila kami beli pun harganya sudah meningkat, kos kenaikan itu juga terpaksa ditanggung pembeli namun saya harapkan peniaga janganlah ambil kesempatan untuk naik harga melambung. Kadang-kadang kami rugi apabila pembeli tidak membeli barang kami,” katanya.

Seorang peniaga daging lembu Muhammad Latiff, 25, mengakui harga seperti daging lembu tempatan, paru dan tulang import agak sedikit meningkat hingga ada pembeli enggan membeli daging kerana dikatakan mahal.

Sementara itu, peniaga ayam, Zakaria Hamzah, 35, berkata peningkatan harga ayam kali ini membuatkan dia sebagai peniaga rasa tertekan kerana berada dalam dilema antara pelanggan dan pembekal.

“Kami sebagai peniaga perlu menaikkan harga barang, kalau dahulu kami boleh menjual RM7.50 hingga RM8 sekilogram kini kami terpaksa menjual dengan harga RM9.50 hingga RM10 sekilogram kami pening untuk menjawab kepada pelanggan kami,” katanya. – BERNAMA